



## **Faculty of Applied and Creative Arts**

### **STRATEGI PENGURUSAN UNTUK MENGKOMERSIALKAN BUKU SASTERA KANAK-KANAK**

**Nor Atikah Binti Shahdan**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian**

**(Pengurusan Seni)**

**2015**

**STRATEGI PENGURUSAN UNTUK MENGKOMERSIALKAN BUKU  
SASTERA KANAK-KANAK**

NOR ATIKAH BINTI SHAHDAN

37614

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2015

## UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

**Please tick (✓)**Final Year Project Report Masters PhD **DECLARATION OF ORIGINAL WORK**

This declaration is made on the .....day of.....2015.

**Student's Declaration:****NOR ATIKAH BT SHAHDAN 37614, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS**

I .....  
 (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare  
 that the work entitled ..... **Management Strategies for Commercialising of Children's Literature** ..... is my  
 original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources  
 except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any  
 part been written for me by another person.

**Nor Atikah Binti Shahdan (37614)**

Date submitted

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ..... **DR NORIA ANAK TUGANG** ..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that  
**MANAGEMENT STRATEGIES FOR COMMERCIALISING OF CHILDREN'S LITERATURE**  
 the work entitled .....  
 (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as  
 a \* partial/full fulfillment for the conferment of ..... **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH**  
**HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** ..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the  
 aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: **Dr. Noria Anak Tugang** Date: \_\_\_\_\_  
 (Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (✓)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

#### **Validation of Project/Thesis**

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
( )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( )

Current Address:

No 12 Ban Pisang Tebuk Pancur,  
34400 Simpang Empat Semanggol,  
Perak.

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## PENGAKUAN

Projek bertajuk '**Strategi Pengurusan Untuk Mengkomersialkan Buku Sastera Kanak-Kanak**' telah disediakan oleh **Nor Atikah Binti Shahdan** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian **Pengurusan Seni**.

Diterima untuk diperiksa oleh,

---

Dr. Noria Anak Tugang

Tarikh,

---

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Projek Tahun Akhir (PTA) yang bertajuk ‘**STRATEGI PENGURUSAN UNTUK MENGKOMERSIALKAN BUKU SASTERA KANAK-KANAK**’ ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali ada sesetengah maklumat dari sumber lain seperti internet. Saya telah mengolah maklumat tersebut dan juga telah menyatakan sumbernya.

---

(NOR ATIKAH BINTI SHAHDAN)

(37614)

Pengurusan Seni

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang Selawat dan  
Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya  
saya dapat menyempurnakan tesis ini. Tesis ini amat penting sebagai memenuhi  
syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Malaysia  
Sarawak.

Saya ingin merakamkan jutaan perghargaan dan ucapan terima kasih kepada  
Dr. Noria Anak Tugang selaku penyelia yang telah banyak membantu saya dalam  
menyiapkan tesis ini. Segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang puan berikan  
sepanjang pengajian saya amatlah saya hargai. Penghargaan dan terima kasih juga  
saya tujukan kepada pihak pengurusan Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak,  
pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak dan Pustaka Negeri Sarawak  
kerana memberikan kerjasama dan komitmen yang baik untuk saya mendapatkan  
bahan-bahan rujukan untuk tujuan penulisan tesis ini.

Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada para pensyarah di Fakulti Seni  
Gunaan dan Kreatif kerana banyak membantu dalam menyempurnakan tesis saya.  
Setiap nasihat, dorongan dan jasa baik tuan/puan akan saya ingati sehingga akhir  
hayat.

Akhirnya, ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada  
kedua ibu bapa, suami tersayang, saudara mara serta rakan seperjuangan yang  
sentiasa memberikan semangat, nasihat dan inspirasi kepada saya untuk

meneruskan pengajian sehingga berjaya. Tanpa kalian semua mustahil impian untuk menyiapkan tesis ini akan terlaksana. Hanya Allah sahaja yang dapat membala segala jasa baik kalian.

Sekian, terima kasih.

## **ABSTRAK**

## ISI KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
<b>LAMPIRAN 1</b>	
<b>LAMPIRAN 2</b>	
<b>LAMPIRAN 3</b>	
<b>PENGHARGAAN .....</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>iii</b>
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	
<b>1.1 Pengenalan .....</b>	<b>1</b>
<b>1.2 Permasalahan Kajian .....</b>	<b>3</b>
<b>1.3 Hipotesis .....</b>	<b>3</b>
<b>1.4 Objektif Kajian .....</b>	<b>4</b>
<b>1.5 Skop Kajian .....</b>	<b>5</b>
<b>1.6 Lokasi Kajian .....</b>	<b>5</b>
<b>1.7 Batasan Kajian .....</b>	<b>6</b>
<b>1.8 Kerangka Konseptual.....</b>	<b>7</b>
<b>1.9 Kepentingan Kajian .....</b>	<b>11</b>
<b>1.10 Masalah-Masalah yang di Hadapi Semasa Menjalankan Kajian .....</b>	<b>13</b>

## **BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR**

<b>2.1 Pengenalan .....</b>	<b>14</b>
<b>2.2 Analisis Artikel .....</b>	<b>15</b>
<b>2.3 Rumusan .....</b>	<b>34</b>

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

<b>3.1 Pengenalan .....</b>	<b>36</b>
<b>3.2 Kajian Perpustakaan .....</b>	<b>37</b>
<b>3.3 Kajian Kerja Lapangan .....</b>	<b>37</b>
<b>3.4 Instrumen Kajian .....</b>	<b>40</b>

## **BAB 4 : ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

<b>4.1 Pengenalan .....</b>	<b>42</b>
<b>4.2 Analisis Data .....</b>	<b>42</b>
<b>4.3 Dapatan Kajian dan Perbincangan .....</b>	<b>66</b>
<b>4.4 Rumusan .....</b>	<b>79</b>

## **BAB 5 : KESIMPULAN DAN CADANGAN**

<b>5.1 Kesimpulan .....</b>	<b>81</b>
<b>5.2 Cadangan Kepada Organisasi .....</b>	<b>87</b>

<b>5.3 Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang .....</b>	<b>87</b>
<b>SENARAI RUJUKAN .....</b>	<b>88</b>
<b>LAMPIRAN 1 .....</b>	<b>80</b>
<b>LAMPIRAN 2 .....</b>	<b>93</b>
<b>LAMPIRAN 3 .....</b>	<b>96</b>

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 1: Peratusan Bacaan teks (halaman 74)

Rajah 2 : Peratusan Buku Bergambar/Illustrasi (halaman 74)

## **SENARAI GAMBAR**

Gambar 1.1 : Peta lokasi Pustaka Negeri Sarawak (halaman 6)

Gambar 1.2 : Pustaka Negeri Sarawak, 2015 (halaman 7)

Gambar 4.1 : Beberapa kanak-kanak sedang membaca dan membelek buku bacaan (halaman 47)

Gambar 4.2 : Antara contoh reka bentuk, jenis kertas, gaya tulisan, gambar dan seni ilustrasi buku kanak-kanak (halaman 47)

Gambar 4.3 : Antara aktiviti yang di adakan semasa festival (penyampaian cerita secara percakapan/penceritaan) daripada informan. (halaman 48)

Gambar 4.4 : Buku bahasa Inggeris yang semakin banyak di terbitkan berbanding bahasa Melayu. (halaman 80)

## **LAMPIRAN 1**

Gambar 1 : Bersama informan 1 Ng Kok Keong di Pustaka Negeri Sarawak (halaman 91)

Gambar 2 : Informan 3 (halaman 92)

## **LAMPIRAN 2**

Gambar 3 : Poster Festival Of Children's Literature (halaman 93)

Gambar 4 : Pendedahan kepada kanak-kanak tentang lukisan dalam buku kanak-kanak (seni ilustrasi) (halaman 93)

Gambar 5 : Pembelajaran menghasilkan kandungan buku kreatif didedahkan kepada kanak-kanak. (halaman 94)

Gambar 6 : Kedai buku kanak-kanak di bahagian dalam Pustaka Negeri Sarawak (halaman 94)

Gambar 7 : Antara sudut buku sastera kanak-kanak (halaman 95)

Gambar 8 : Antara buku sastera kanak-kanak yang berada di pasaran (halaman 95)

Kajian ini untuk melihat Strategi Pengurusan Untuk Mengkomersialkan Buku Sastera Kanak-kanak. Pengumpulan data dilakukan menerusi temu bual. Objektif kajian adalah Meneliti cara kandungan buku sastera kanak-kanak iaitu reka bentuk buku, gambar, gaya tulisan, seni ilustrasi dan jenis kertas. Mengkaji pengurusan penerbitan buku sastera kanak-kanak, kos kewangan juga dari segi promosi dan pasaran. Menganalisa cara penulis menulis atau mengarang buku sastera kanak-kanak dari sudut pengurusan pengkaryaannya. Hasil dapatan kajian mendapati penulis-penulis buku banyak menghasilkan buku bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu. Para penerbit dan pengkarya perlu bersama-sama mempromosi serta memasarkan buku bacaan ini supaya golongan masyarakat terutama ibu bapa sedar dan menitik beratkan pembaca buku sastera ini kepada anak-anak mereka. Didapati ibu bapa kurang memberi galakkan kepada kanak-kanak untuk membaca buku sastera dalam Melayu. Ini mengakibatkan kanak-kanak kurang mengetahui sastera Melayu. Inspirasi kajian ini adalah A.Samad Said yang memperjuang bidang Sasterawan Negara.

Katakunci : Kanak-kanak, Buku sastera, Seni ilustrasi

## **ABSTRACT**

*This study to see Management Strategies For Commercialising of Children's Literature Book. Data were collected through interviews. The objective of the study is to examine how the content of children's literature books such as books design, pictures, writing style, the art of illustration and type of paper. Reviewing management of book publishing children's literature, also in terms of financial cost and market promotion. Analyze how writers write or compose a book of children's literature corner writing management. The study finding that writers produce more books in English than in Malay. The publisher and the artist should jointly promote and market the books so that communities, especially parents aware and focused on the reader's literary books to their children. It was found that parents who would encourage children to read books in English literature. This resulted in children less aware of Malay literature. The inspiration of this study was fighting for A.Samad Said National Laureate field.*

*Keywords : Childrens, Literature book, Art illustration*

## **BAB SATU**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini menerangkan secara ringkas tentang Strategi Pengurusan Untuk Mengkomersialkan Buku Sastera Kanak-Kanak.

Menurut Md Sidin Ahmad Isahak di dalam ‘**Buku Kanak-Kanak Di Malaysia Sebagai Warisan Hasil Seni’ 2008 : p 15.** Buku dan sastera kanak-kanak berkembang di Malaysia dalam beberapa tahap yang umum. Tahap awal bermula apabila pengembang-pengembang agama Kristian dari England dan Amerika bertapak di negeri-negeri Selat pada abad Ke-19 untuk menyebarkan agama Kristian. Pada masa itu mereka juga menjalankan kegiatan pendidikan di kalangan anak-anak dan dengan demikian mereka menghasilkan buku untuk kanak-kanak tempatan yang berbentuk pengajaran. Tahap percubaan iaitu peringkat perkembangan yang kedua memperlihatkan kegiatan sastera yang di terajui oleh Pejabat Karang-Mengarang melalui sokongan penguasa pendidikan colonial dengan kerjasama penerbit, pencetak dan pengedar Inggeris. Tahap ketiga iaitu peringkat pertumbuhan berlaku apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan penerbit-penerbit tempatan muncul bersama-sama dengan kedatangan lebih banyak penerbit antarabangsa yang membuka operasinya di Malaysia.

Buku kanak-kanak semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kerana terdapat pelbagai kepentingan dalam bidang pendidikan. Dari segi

komersial nilainya sangat tinggi mahupun dari segi kesenian. Di zaman arus permodenan, kanak-kanak sering terdedah kepada media yang bersifat visual seperti televisyen, internet, alat permainan dan sebagainya. Oleh itu, buku-buku yang mempunyai ciri-ciri yang unik mampu menarik perhatian kanak-kanak untuk membaca.

Secara umumnya, buku sastera kanak-kanak bukan sahaja di minati oleh kanak-kanak bahkan orang dewasa juga. (**Hunt, 1994**) menyatakan sastera kanak-kanak pada umumnya dianggap sebagai sesuatu yang mudah, iaitu buku yang ditulis untuk kanak-kanak dan dibaca oleh kanak-kanak.

Molina S. Nijhar (dalam Othman Puteh dan Abdul Hamid, 1984) menyatakan bahawa sastera kanak-kanak “merangkumi semua jenis penulisan berbentuk kreatif dan imaginatif yang dikhatusukan untuk dibaca, dihibur dan dinilai oleh kanak-kanak.” “Beliau seterusnya berpendapat bahawa sastera kanak-kanak “meliputi keseluruhan buku yang bermutu dan berfaedah yang ditulis untuk bacaan kanak-kanak merangkumi bidang fiksyen dan bukan fiksyen.”

Kebanyakkan para penulis buku sastera kanak-kanak perlu menyelami jiwa kanak-kanak terlebih dahulu bagi memudahkan mesej penceritaan yang disampaikan mudah dan jelas di fahami oleh kanak-kanak. Penulisan yang sedikit dan gambaran yang jelas amat sesuai bagi kanak-kanak memahami konteks penulisan dalam buku tersebut. Buku sastera terdiri daripada karya puisi, syair, cerita dongeng, cerita rakyat, pantun dan sebagainya.

Buku sastera kanak-kanak bukan sahaja terkandung penceritaan, malah dari segi penulisan dan penerbitan juga perlu menarik dan sebagai seorang penulis dan

editor perlu bijak bagi menerbitkan buku kanak-kanak itu. Pengurusan yang terancang amat penting bagi usaha mengkomersialkan buku kanak-kanak yang bermutu tinggi dan di gemari oleh kanak-kanak. Menurut Md Sidin Ahmad Isahak di dalam **‘Buku Kanak-Kanak Di Malaysia Sebagai Warisan Hasil Seni’, 2008 : p 2.** Di Malaysia, karya-karya Enid Blyton telah mendapat perhatian daripada dua penerbit iaitu Penerbitan Fargoes Sdn.Bhd dan Syarikat S. Abdul Majeed yang masing-masing pernah mengusahakan penterjemahannya dalam bahasa Melayu.

## **1.2 Permasalahan Kajian**

- 1.2.1 Buku sastera kanak-kanak bahasa Melayu yang di tulis hingga ke akhir ini masih berkurang jika di bandingkan dengan buku sastera kanak-kanak bahasa Inggeris. Buku sastera kanak-kanak dalam bahasa Inggeris banyak gambar yang jelas jika di bandingkan buku sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu.
- 1.2.2 Pengurusan dalam penerbitan kandungan buku seperti gaya tulisan, gambar, reka bentuk kulit buku, seni ilustrasi dan jenis kertas buku sastera kanak-kanak.
- 1.2.3 Kurang minat kanak-kanak membaca buku sastera atas kegagalan ibu bapa mendidik anak-anak.

## **1.3 Hipotesis Kajian**

Perkembangan buku sastera kanak-kanak di Malaysia perlu di mantapkan terutama pada pengurusan kandungan penerbitan supaya dapat mendekatkan kanak-kanak komited untuk membaca buku sastera. Hal ini demikian kerana

kanak-kanak semakin kurang minat untuk membaca buku sastera dalam Bahasa Melayu, mereka lebih cenderung membaca buku sastera dalam Bahasa Inggeris. Atas kekurangan didikan bagi menggalakkan anak-anak juga menjadi punca anak-anak tidak berminat membaca buku sastera. Selain itu, cara pengurusan penerbitan seperti kandungan buku sastera kanak-kanak tersebut kurang menarik, banyak perkataan berbanding gambar. Kanak-kanak lebih mudah membaca sekiranya perkataan di dalam buku tersebut sedikit manakala gambar pula diperbanyakkan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian tentang pengurusan mengkomersialkan buku sastera kanak-kanak masih kurang dan ini telah mendorong pengkaji untuk melakukan penyelidikan ini dengan harapan dapat menambah dan melengkapkan strategi tentang pengurusan mengkomersialkan buku sastera kanak-kanak.

- 1.4.1 Meneliti cara kandungan buku sastera kanak-kanak iaitu reka bentuk buku, gambar, gaya tulisan, seni ilustrasi dan jenis kertas.
- 1.4.2 Mengkaji pengurusan penerbitan buku sastera kanak-kanak, kos kewangan juga dari segi promosi dan pasaran.
- 1.4.3 Menganalisis cara penulis menulis atau mengarang buku sastera kanak-kanak dari sudut pengurusan pengkaryaannya.

#### **1.5 Skop Kajian**

Skop kajian ini terdiri daripada usaha Pustaka Negeri Sarawak untuk membantu mengkomersialkan buku sastera kanak-kanak dengan lebih meluas. Terdapat strategi yang mampu untuk meningkatkan lagi mutu penerbitan buku

sastera kanak-kanak dalam bahasa Melayu. Sasaran maklumat diperoleh daripada pegawai-pegawai, penulis buku, ibu bapa dan kanak-kanak. Selain itu, tips atau kaedah para penulis atau pengarang buku kanak-kanak juga di beri perhatian kerana mereka adalah tunjang kepada pengkomersialan ini, buku sastera yang baik menggambarkan penulis tersebut dapat menjiwai perasaan kanak-kanak itu sendiri. Seterusnya, memartabatkan buku sastera dalam bahasa Melayu berbanding mengagungkan-agungkan buku sastera kanak-kanak dalam bahasa Inggeris. Nilai-nilai atau pengajaran terhadap buku sastera kanak-kanak juga diberi perhatian kerana perkara sebegini dapat mendidik anak-anak menjadi lebih berdisiplin serta berfikiran luas terhadap ilmu-ilmu dari sejarah dahulu kala nenek moyang terdahulu. Ibu bapa juga perlu mengambil peranan dengan memberi tunjuk ajar kepada anak-anak agar mereka lebih seronok ketika membaca dan lebih memahami penceritaan tersebut (bukan sekadar membaca sahaja).

## **1.6 Lokasi Kajian**

Penyelidik memilih lokasi kajian di Pustaka Negeri Sarawak yang beralamat Pustaka Negeri Sarawak Jalan Pustaka, off Jalan Stadium 93050 Kuching Sarawak, Malaysia. Tel: (60) 82-442000 Fax: (60) 82-449944 E-mail: [librarian@sarawak.gov.my](mailto:librarian@sarawak.gov.my). (Sumber internet, Laman Utama Sarawak State Library). Web <http://www.pustaka-sarawak.com>



**Gambar 1.1** : Peta lokasi Pustaka Negeri sarawak

(Sumber : Internet <http://www.pustaka-sarawak.com>)



**Gambar 1.2** : Pustaka Negeri Sarawak, 2015

(Sumber : Kerja Lapangan Pengkaji)

Di kedai-kedai buku yang terpilih seperti Kedai Buku Popular, MPH dan Smart Bookshop di sekitar Bandar Kuching, Sarawak dan Taiping, Perak (tempat tinggal pengkaji) bagi melakukan kaedah pemerhatian.

### **1.7 Batasan Kajian**

- 1.7.1 Kajian ini juga terbatas, kerana informan yang pakar telah meninggal dunia.
- 1.7.2 Kajian ini terbatas akibat kurang layanan daripada pihak Pustaka Negeri Sarawak dan DBP, enggan meluangkan masa untuk di temuramah
- 1.7.3 Kekurangan penulis buku genre sebegini menyukarkan untuk mendapatkan maklumat yang jelas.

- 1.7.4 Kajian ini juga terbatas kebanyakkan kanak-kanak yang di soal berumur lingkungan 7 hingga 10 tahun, mereka masih mentah dan kurang memahami soalan yang di ajukan (jawapan lari daripada kehendak soalan)
- 1.7.5 Ibu bapa juga enggan di temu bual kerana sibuk menguruskan hal-hal lain.
- 1.7.6 Kanak-kanak yang di temu ramah kurang memahami kehendak soalan kerana masih mentah.
- 1.7.7 Bilangan buku rujukan yang terhad.

## **1.8 Kerangkap Konseptual**

Beberapa konsep penting yang digunakan dalam kajian ini akan diketengahkan terlebih dahulu untuk memudahkan pemahaman para pembaca terhadap aspek-aspek berkaitan yang akan di bincangkan selanjutnya.

### **1.8.1 Buku sastera kanak-kanak**

**Clynnch-Brown & Tomlinson (1999)**, mendefinisikan sastera kanak-kanak adalah buku berkualiti yang terdapat di pasaran yang ditujukan kepada kanak-kanak daripada usia sejak lahir sehingga usia dewasa. Tajuk-tajuk buku tersebut adalah yang berkisar pada dunia kanak-kanak, serta dinukilankan dalam bentuk prosa, puisi, fiksyen dan bukan fiksyen. Selain itu, ada juga pendapat yang menyatakan buku kanak-kanak adalah buku-buku yang ditulis bagi tujuan pembacaan kanak-kanak ataupun buku yang menjadi bacaan kanak-kanak, tidak kira apa jua bentuk penulisannya samada ianya buku cerita (berbentuk fiksyen) dan bukan fiksyen yang ditulis untuk memberi maklumat, atau pun buku yang

menggunakan bahasa berirama seperti lagu, sajak pantun dan lain-lain (**Glazer, 2000**).

Buku kanak-kanak yang pertama di Malaysia telah diterjemah dan dihasilkan pada tahun 1818 oleh Claus Henrich Thomsen yang berjudul ‘Menolong Segala Anak’. Seterusnya, mula mendapat sambutan masyarakat pada awal tahun 70-an dan 80-an.

Buku kanak-kanak terdiri daripada buku yang mengandungi :

- gambar semata-mata
- mengandungi gambar, perkataan atau ayat
- mengandungi ilustrasi sahaja
- mengandungi ilustrasi, perkataan atau ayat
- mengandungi perkataan atau ayat semata-mata.

### **1.8.2 Mengkomersialkan**

Menurut **Kamus Dewan (2005) Edisi 4 : 808**. Mengkomersialkan membawa maksud menjadikan sesuatu sebagai barang dagangan. Promosi bagi memasarkan buku kanak-kanak pada golongan masyarakat. Sekali gus, melibatkan badan organisasi dan para pengkarya bagi menarik minat masyarakat membaca dan membeli buku kanak-kanak terutama ibu bapa.

### **1.8.3 Kesusasteraan/Sastera**

Menurut buku ‘**Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas**’ 1997 oleh Siti Hawa Haji Salleh h. xv-xvi. Kesusasteraan @ sastera di gunakan seiringan walaupun asalnya kata dasar sastera dalam bahasa Sanskrit merujuk

pada tulisan-tulisan yang mengandungi pengajaran, arahan @ petunjuk cara bagaimana sesuatu patut di lakukan. Istilah kesusasteraan membawa maksud keindahan bahasa yang asalnya tertera dalam istilah Sanskrit susastera, di gantikan sahaja dengan istilah teks. Dengan demikian, makna yang di fahami untuk istilah kesusasteraan di sini adalah selari dengan definisi yang di berikan oleh Ismail Hussein.

*“...Literature in the malay or nusantara concepts include everything that usus word or language in a creative way, creative in a broad sense. There is no boundary between mythical fiction and a historical description for example, and there is something no boundary between on enumeration of the adat law with a love poem<sup>4</sup>...”*

(Ismail Hussein, 1997 : 2-3)

Menurut **Kamus Dewan (2005) Edisi 4 : 1396.** Sastera membawa maksud ‘Bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan)’. Kesusteraan membawa maksud hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu; *ahli* ~ (orang yang) pakar dalam hal kesusteraan; *seni* ~ seni karang-mengarang (prosa, puisi dan lain-lain)

Hasil karya sastera ini berkembang di kalangan rakyat bawahan. Mungkin telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Tetapi oleh sebab tidak ada catatan sejarah, maka tidak dapat memastikan bilakah wujudnya hasil-hasil karya sastera rakyat ini. Antara cerita-cerita rakyat ini ialah cerita Lipur Lara seperti *Hikayat Malim Dewa*, Cerita Teladan seperti *Si Tenggang, Batu Belah Batu Bertangkup* dan *Bawang*

*Putih Bawang Merah*, Cerita Jenaka seperti *Lebai Malang*, *Mat Jenin*, *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Si Luncai* dan *Pak Belang*, Cerita Binatang seperti cerita-cerita *Sang Kancil*, Mitos seperti cerita-cerita tentang roh-roh. Umpamanya *Simpang-Impang*, *Pulang Gama*, *Sengalang Burung* dan lain-lain. Legenda seperti legenda keagamaan. Legenda Alam Ghaib, legenda orang perseorangan dan legenda setempat seperti cerita-cerita tentang *Jong Batu*, *Malin Kundang* dan lain-lain. Puisi lama seperti *pantun*, *syair*, *nazam*, *gurindam*, *seloka*, *teka-teki*, *teromba*, *talibun* dan lain-lain. Peribahasa seperti *perumpamaan*, *bidalan*, *pepatah*, *tamsil ibarat* dan lain-lain. Mantera dan jenis-jenis yang seumpamaanya seperti *jampi* dan *serapah*. Sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis penulisan yang berbentuk kreatif dan imaginative yang dimaksudkan untuk dibaca, dihayati, dan dinilai oleh kanak-kanak. Secara amnya ia meliputi keseluruhan buku yang bermutu dan berfaedah yang ditulis untuk bacaan kanak-kanak (**Othman,1984**).

#### **1.8.4 Bahasa Melayu**

**Zuber Usman.** **Sejarah Bahasa Melayu.h. 9** menyatakan, perkataan Melayu berasal daripada perkataan 'Himalaya' yang telah disingkatkan kepada 'Malaya' dan kemudian menjadi Melayu. Perkataan 'Himalaya' berasal daripada perkataan 'hima' dan 'alaya'. 'Hima' bererti salji atau salju, sedangkan 'alaya' bererti tempat. Dengan itu hima alaya maksudnya tempat sejuk, seperti di puncak gunung yang tinggi. L.Hervas ialah orang yang pertama melahirkan pendapat secara tergas bahawa bahasa-bahasa di Asia Tenggara adalah serumpun. Selepas itu bertambah banyak lagi orang yang mengkaji bahasa di Asia Tenggara seperti J.Gonda, J.R.Foster dan lain-lain.